KENYATAAN MEDIA

KENYATAAN MAKLUM BALAS AADK BERHUBUNG HASIL SIASATAN DAN SYOR SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN MENGENAI INSIDEN OPERASI DI BERA, PAHANG

KAJANG, 28 OKTOBER 2026 – Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengambil maklum laporan serta syor yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) berhubung siasatan insiden operasi penguatkuasaan penagihan dadah di Bera, Pahang pada 13 Oktober 2025.

AADK memandang serius setiap dapatan siasatan tersebut dan tidak akan berkompromi terhadap kegagalan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) serta sebarang bentuk kecuaian pegawai dan anggota penguat kuasa semasa menjalankan tugas.

Sehubungan dengan itu, AADK akan mengambil tindakan susulan berdasarkan syor-syor yang dikeluarkan EAIC antaranya tindakan tatatertib terhadap pegawai yang didapati cuai atau gagal mematuhi SOP dan Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) di samping gagal membuat catatan dalam buku catatan (*pocket book*). Berdasarkan syor ini juga, AADK akan menambah baik Garis Panduan Berkenaan Pertimbangan Tahap Risiko (*Risk Assessment*) semasa operasi.

AADK juga akan memastikan pematuhan penggunaan buku catatan semasa menjalankan operasi penguatkuasaan tanpa sebarang pengecualian. Mengenai syor perolehan kamera badan (*body camera*), AADK akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mengangkat permohonan peruntukan perolehan tersebut kepada Kementerian Kewangan.

AADK kekal komited untuk memastikan setiap operasi penguatkuasaan dijalankan secara berhemah, telus, dan mematuhi undang-undang serta hak asasi manusia demi menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

TAMAT

DATO' RUSLIN BIN JUSOH
KETUA PENGARAH
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini, sila hubungi Unit Media dan Komunikasi Korporat, Agensi Antidadah Kebangsaan di talian 03-8911 2424/ 2564